



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



Ruj. Kami : PWN.SEL.1058 Jilid (4)
Tarikh : 21 Ramadhan 1442H
3 Mei 2021

**Semua Ketua Jabatan Negeri/
Ketua Pusat Tanggungjawab**

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 4 TAHUN 2021:
PROSES PERMOHONAN KELULUSAN MANUAL AP58(A) MELALUI SISTEM
ISPEKS**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman, terdapat penambahbaikan pada sistem iSPEKS yang melibatkan Permohonan Kelulusan AP58(a) yang telah di *patch* secara *auto* pada 10 April 2021. Bersama-sama ini disertakan Arahan Operasi bagi Proses Permohonan Kelulusan Manual AP58(a) untuk rujukan YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan/ Puan bagi melancarkan proses permohonan kelulusan serta pembayaran AP58(a).

Sekian.

**"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

(DR SHAHRIL BAHARIM) C.A.(M), FCMA, CGMA
Bendahari Negeri
Selangor Darul Ehsan



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015
CERT. NO. : QMS 00760

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 TAHUN 2021
PROSES PERMOHONAN KELULUSAN MANUAL AP58(A) MELALUI
SISTEM iSPEKS

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah membuat *deployment* iSPEKS Versi 5.1 pada 10 April 2021. Antara penambahbaikan di versi ini melibatkan proses AP58(a). Sehubungan dengan itu, Arahkan Operasi ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai proses kerja permohonan kelulusan AP58(a) manual (di luar sistem iSPEKS) yang akan dikunci masuk semula ke dalam sistem iSPEKS melalui Modul Bajet oleh Jabatan/PTJ sebelum Arahkan Pembayaran dapat dibuat melalui Modul Akaun Belum Bayar (ABB), Modul Pengurusan Kontrak (COM), Modul Perolehan (PROC) atau Modul Pendahuluan & Tuntutan (AC).

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh:

Bahagian Perkhidmatan Operasi Perakaunan
Pejabat Bendahari Negeri Selangor

Rujukan Fail : PWN.SEL.1058 Jilid (4)

Tarikh : **3** Mei 2021

Arahan Kerja Proses Permohonan Kelulusan Manual AP58(a) Melalui Sistem iSPEKS

Bil.	Tindakan	Carta Aliran	Tanggung jawab
1	Permohonan Kelulusan AP58(a) manual – di luar iSPEKS Semakan Baki Peruntukan tahunan Belanja Mengurus semasa dan tahun lalu PTJ berdasarkan Program/Aktiviti dan Objek Sebagai (OS)	<pre> graph TD Mula([Mula]) --> S1[Semakan baki peruntukan] S1 --> S2[Kemukakan permohonan Sijil AP58(a)] S2 --> D1{Semak permohonan dan baki peruntukan} D1 -- "Baki tidak mencukupi" --> S3[Permohonan ditolak dan surat pemakluman dikeluarkan] D1 -- "Baki mencukupi" --> A((A)) S3 --> S4[Mohon Kelulusan Khas melalui surat rujukan Pejabat Bendahari] </pre>	PTJ
2	Kemukakan Permohonan Sijil AP58(a) ke Pejabat Bendahari Negeri dengan dokumen-dokumen berikut : a) Surat Litup PTJ b) Borang Sijil AP 58(a) c) Dokumen sokongan asal atau salinan dokumen yang telah disahkan benar (contoh: Bil/ invois, Pesanan Kerajaan dan lain-lain). d) Justifikasi kelewatan dan nama pegawai yang bertanggungjawab		PTJ
3	Semak permohonan dan baki peruntukan kemas kini belanja mengurus berdasarkan Program/Aktiviti dan Objek Sebagai (OS) setelah mengambil kira kelulusan / Sijil AP58(a) terkini yang telah dikeluarkan. Semak baki peruntukan tahun semasa.		Pejabat Perakaunan
4	Baki Peruntukan Tahun Lalu Tidak Mencukupi Surat pemakluman kepada PTJ baki Belanja Mengurus tidak mencukupi. Permohonan ditolak & perlu mohon Kelulusan Khas AP58(a) kepada Pegawai Kewangan Negeri PTJ mohon Kelulusan Khas AP58(a) – rujuk surat Pejabat Bendahari		Pejabat Perakaunan PTJ

Bil.	Tindakan	Carta Aliran	Tanggung jawab
5	Baki Peruntukan Mencukupi Rekod daftar permohonan dan Surat kelulusan berserta Sijil AP58(a) dikemukakan kepada PTJ.	<pre> graph TD A((A)) --> B[Serah Surat dan Sijil AP58(a) kepada PTJ] B --> C[Kunci masuk permohonan Kelulusan Manual AP58(a) di Modul Bajet] C --> D[Menyemak permohonan Kelulusan Manual AP58(a) di Modul Bajet] D --> E[Arahan Pembayaran daripada Modul berkenaan] </pre>	Pejabat Perakaunan
6	Proses kunci masuk Kelulusan Manual AP58(a) di Modul Bajet Sistem iSPEKS: (i) Penyedia mengunci masuk data dan maklumat di skrin Kelulusan Manual AP58(a) seperti maklumat di dalam Sijil AP58(a)/ Kelulusan Khas dan klik pada butang 'Simpan'. (ii) Penyemak menyemak maklumat yang telah dikunci masuk oleh Penyedia dan klik pada butang 'Semak' untuk mengesah permohonan Kelulusan Manual AP58(a).		PTJ
			PTJ
7	Proses Arahan Pembayaran Penyedia melakukan proses arahan pembayaran AP58(a) daripada Modul berkenaan.		PTJ